

Makna Genius

Kamus Dewan memberi makna Genius sebagai orang yang sangat pintar (cerdik, bijak), memiliki kepintaran yang luar biasa.

Oxford Dictionary pula memberi makna atau definisi Genius sebagai :

1. exceptional **intellectual** or **creative power** or other natural ability.
2. an **exceptionally intelligent** person or one with **exceptional skill** in a particular area of activity.

*Being a genius isn't as simple as being smart or having a high IQ or PhD. While **intelligence** is, of course, a prerequisite of genius status, there are other things at play here – including **creativity**, self-awareness, and an innate ability or curiosity to ask questions few others have ever asked.*

*It's for this reason why the likes of Albert Einstein, Stephen Hawking, and Charles Darwin can be placed in the same genius pool as Mozart, Beethoven and Picasso. Because while on paper these preeminent figures are worlds apart, they share a common or similar knack for **pushing the boundaries of human thought and our understanding of the world**. So, defining genius isn't easy, but it's safe to say that **intelligence, creativity, and outside-the-box thinking** all play their part in making a person a genius.*

Sebagai rumusan Genius membawa makna;

- 1) a person of EXCEPTIONAL ability or talent and insight in the performance of some art...
- 2) a person who excels across diverse subjects...
- 3) a people associated with creative productivity...
Film industry and entertainment (song)
- 4) a people of the extraordinary ability to apply creativity and imaginative thinking to almost any situation.

Daripada definisi dan penerangan di atas, adakah P.Ramlee menepati kriteria-kriteria untuk digelar sebagai seorang insan Genius?

Pada pendapat saya P.Ramlee bukanlah genius dalam erti kata yang lazimnya difahami dan digunakan oleh golongan akademik yang mengenali Genius sebagai mereka yang mempunyai tahap dan kelulusan pendidikan tinggi (PhD), IQ yang tinggi (150 – 250) dan telah menulis buku berpuluh jilid. Genius yang dimaksudkan mereka adalah seperti tokoh-tokoh Genius zaman Greek Roman Yunani, Genius Tamadun China, Genius Tamadun Islam termasuk pelopor Mazhab Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Shafie dan Imam Hambali, mereka telah menghafal Quran sejak kecil lagi, begitu juga pelapor Hadis seperti Bukhari dan Muslim, juga pemikir seperti Al-Ghazali dan Ibnu Taimiyah. Kemudian timbul pula Genius Eropah dan Amerika yang meneroka falsafah dan mencipta pelbagai produk melalui pemikiran mereka yang kreatif.

Dalam bidang seni P. Ramlee juga tidaklah boleh dibandingkan atau setanding dengan pemuzik tersohor **Mozart** (1756 M) atau **Chopin** (1810 M), yang telah pandai bermain piano dan biola serta mencipta lagu pada usia kecil umur 5 hingga 7 tahun. Juga P. Ramlee tidaklah boleh disamakan dengan pengarah-pengarah filem Barat yang genius seperti **Charlie Chaplin**, **Stanley Kubrick** dan **Steven Spielberg**, mereka yang mendapat pendidikan formal dalam bidang pengarah filem dan mendapat sokongan sepenuhnya (kewangan dan peralatan penggambaran moden) daripada rumah-rumah produksi filem di Hollywood.

Pada pandangan peribadi saya P. Ramlee memang amat layak untuk diiktiraf sebagai seorang insan Genius kerana beliau memiliki sifat-sifat dan kemahiran berikut:

Bidang Perfileman –

P. Ramlee merupakan insan yang memiliki dan menguasai kemahiran yang hebat dalam bidang perfileman (acting, film director, story or script writer, sreen play, background music arrangment).

Walaupun P. Ramlee tidak pernah mengikuti mana-mana program pendidikan formal dalam jurusan perfileman, namun melalui latihan practical dalaman (in house practical training) yang didapati daripada pengarah-pengarah filem India di Studio Jalan Ampas beliau dapat menguasai kemahiran dalam mengendalikan peralatan mengarah filem, mengetahui teknik-teknik penggambaran, mengetahui teknik-teknik sound dan lighting, mengetahui kemahiran membuat suntingan dan dubbing filem (film directing, acting, song writing, song composing, singing background songs).

Pengarah Filem - Pada tahun 1955 P. Ramlee diberi peluang oleh Shaw Brothers untuk mengarahkan filem pertamanya, ***Penarek Becha (1955)***, di mana beliau juga turut berlakon watak hero, digandingkan bersama seniwati terkenal Saadiah sebagai heroin. Filem ini walaupun yang pertama (dibuat) berjaya secara komersial, mendapat kutipan yang tinggi di pawagam. Pada tahun 1956, filem ini mendapat penghargaan majalah *Majalah Filem dan Sukan* untuk Filem Melayu terbaik, pengarah terbaik, lagu terbaik (untuk lagu "Inang Baru") dan pelakon terbaik. Masa ini beliau baru berumur 27 tahun.

Pelakon atau Actor - Di antara tahun 1948 hingga 1955 (umur beliau 19 hingga 26 tahun), P. Ramlee telah terlibat dalam bidang lakonan dengan membintangi 27 buah filem. Sepanjang berada di Studio Jalan Ampas Singapura (1948 hingga 1964 selama 16 tahun) beliau amat produktif, direkodkan telah terlibat dalam penerbitan 48 buah filem atau purata 3 filem setahun. Pada tahun 1964 beliau telah berhijrah ke Studio Merdeka Kuala Lumpur di mana beliau telah menghasilkan sebanyak 18 buah filem (sepanjang 9 tahun antara tempoh 1964 hingga 1972), atau purata 2 filem setahun. Jumlah filem yang beliau hasilkan sepanjang 25 tahun terlibat dalam bidang perfileman ialah 66 filem.

Bidang nyanyian dan hiburan

(singer, composer, pemain alat muzik) - Suaranya yang merdu dalam menyanyikan lagu-lagu latar belakang filem melayakkan P. Ramlee pada zaman awal beliau berada di Singapura, menerima kontrak rakaman bersama syarikat piring hitam Hemsley & Co. Lagu "Azizah" memperoleh keuntungan yang lumayan untuk Hemsley, yang memberi P. Ramlee wang royalty sebanyak \$3,000 untuk lagu-lagunya. P. Ramlee juga menyanyi bersama Orkestra HMV (His Master's Voice) di bawah bimbingan pengarah muzik terkenal, Yusoff B., yang beraksi untuk Radio Malaya, bersiaran dari Bangunan Cathay Singapura.

Hasil penyelidikan oleh penyelidik muzik, direkodkan P. Ramlee telah mencipta sebanyak **250 buah lagu** (termasuk sebagai penyanyi, komposer dan penulis lirik). Lagu-lagu ciptaannya yang sebahagiannya turut dimuatkan sebagai lagu latar dalam filem-filem arahnya merangkumi pelbagai genre misalnya cinta, kasih sayang, wanita, alam semulajadi, keIslaman dan juga berunsur kebangsaan atau patriotik. Lagu ciptaan seniman tersohor negara ini yang menjadi siulan peminat juga merupakan gabungan ideanya dengan beberapa orang penulis lirik terkenal pada ketika itu antaranya ialah S. Sudarmaji, Jamil Sulong, H.M Rohaizad dan Ainol Jamal.

Beliau adalah penghibur (entertainer) yang hebat dalam persembahan pentas. Setelah berpindah ke Kuala Lumpur pada 1964 beliau sering dijemput untuk menjadi penyanyi dan penghibur di majlis-majlis rasmi dan juga pertunjukkan awam (fun fairs) yang diadakan di seluruh negara ketika itu. Fun Fairs merupakan cara hiburan yang popular ketika itu khasnya di kawasan luar bandar dan skim FELDA. Nama beliau yang popular menjadi tarikan kepada Show Promoter untuk menarik orang awam ke fun fair mereka.

Apakah Faktor-Faktor Yang Menggilap Bakat Genius P. Ramlee?

Mengikut pendapat saya terdapat empat factor yang penting memainkan peranan dalam menggilap P. Ramlee muncul sebagai Genius dalam bidang seni lakon, perfileman dan persembahan pentas.

Faktor Pertama yang menyumbang kepada Genius P. Ramlee mungkin terdapat dalam darah (DNA) beliau yang diwarisi daripada ayahnya seorang imigran Aceh. Orang Aceh terkenal dengan sifat berani dan sanggup melakukan kerja dengan bersungguh-sungguh. Ramai daripada mereka berhijrah ke Pulau Pinang dan Kedah bekerja sebagai nelayan, petani, pedagang, peniaga, pembuat songkok dan capal, membuat alat-alat kesenian Melayu seperti keris dan parang.

Salah seorang keluarga keturunan Aceh yang terkenal di negara kita telah melahirkan tiga orang Genius ialah keluarga Pak Nyak Hussein, pembuat songkok yang menetap di Yan Kedah. Tiga orang anak beliau yang genius dan terkenal ialah Abdullah Hussein (sasterawan negara), Ismail Hussein (professor Bahasa dan Sastera Melayu) dan Ibrahim Hussein (pelukis terkenal).

SN Datuk Abdullah Hussein (1920 – 2014) hanya lulus Sekolah Melayu dan Sekolah St Micheal Alor Star tetapi muncul menjadi seorang penulis yang genius dan kreatif, telah menulis 16 novel di mana novel *magna opus* beliau Imam telah dinobatkan Novel Terbaik Hadiah Pak Sako pada 1993. Datuk Abdullah adalah kawan baik di Singapura dan pernah diminta oleh P. Ramlee menguruskan majalah beliau ***Gelanggang Filem*** yang melaporkan perkembangan dalam bidang seni. Semasa di Jalan Ampas, Abdullah banyak membantu P. Ramlee dalam bidang Bahasa dan berkarya seperti menulis skrip filem.

Faktor Kedua Genius P. Ramlee boleh dijejak daripada latar belakang kehidupan beliau di Pulau Pinang. Membesar di kota cosmopolitan yang mana penduduknya terdiri daripada pelbagai bangsa, budaya, agama dan budaya, telah mendedahkan P. Ramlee kepada ragam kehidupan manusia yang rencam dan beragam, yang kemudian menjadi modal kepada beliau dalam menulis skrip filem dan menggubah lirik lagu yang dapat diterima oleh masyarakat Malaysia. Tidak hairan filem-filem dan lagu-lagu P. Ramlee bukan sahaja diminati oleh orang Melayu tetapi bangsa-bangsa lain juga kerana ianya bersifat sejagat atau universal.

Faktor Ketiga yang menyumbang kepada bakat Genius P. Ramlee ialah penguasaan beliau dalam Bahasa Inggeris yang mana melalui Bahasa International itu beliau dapat akses kepada bahan-bahan bacaan, lagu-lagu dan filem-filem Inggeris yang banyak di pasaran. Melalui pembacaan surat akhbar, majalah dan buku-buku Inggeris beliau mendapat banyak ilmu yang tidak ada dalam dunia Bahasa Melayu. Semasa di Pulau Pinang dan Singapura beliau terdedah kepada lagu-lagu dan filem-filem Inggeris yang membantu membuka luas minda pemikiran beliau.

Salah satu insiden yang jarang diceritakan penganalisa filem ialah pada tahun 1958 di mana P. Ramlee terpaksa mengarah filem ***Sarjan Hassan*** setelah pengarah asal seorang Filipina yang lebih berpengalaman menerbitkan filem antarabangsa telah menarik diri. Memandangkan filem ini melibatkan dialog Inggeris dan Jepun dan P. Ramlee memang menguasai dua Bahasa Inggeris dan Jepun itu maka pihak Shaw Brothers telah mengangkat beliau menjadi Pengarah Filem perang dunia kedua itu. P. Ramlee sebelum itu hanya penolong pengarah tetapi dengan bakat dan Genius beliau telah berjaya menyambung mengarahkan filem tersebut yang juga melibatkan pelakon orang Inggeris.

Faktor KeEmpat pada pendapat saya ialah sikap P. Ramlee yang tidak segan silu dan bersungguh-sungguh untuk belajar daripada mereka yang lebih pandai dalam sesuatu bidang. Sebagai contoh beliau sanggup datang belajar muzik dari Cikgu Kamaruddin di

rumah beliau pada waktu hujung minggu. Dalam bidang lakonan beliau belajar daripada pelakon-pelakon senior, begitu juga dalam bidang pengarahannya beliau belajar daripada pengarah-pengarah filem India yang berpengalaman. Dalam bidang penulisan skrip dan Bahasa Melayu beliau banyak belajar daripada sahabat beliau Sasterawan Negara Dato Abdullah Hussein. Beliau memegang prinsip Belajar Sepanjang Hayat walaupun beliau hanya bersekolah formal setakat Pendidikan menengah di PFS sahaja.

Genius Bidang Seni Filem

Filem pertama lakonan P. Ramlee ialah **Chinta (1948)** yang mana beliau memegang peranan sebagai pelakon kecil (extra) sebagai penjahat dan menyumbangkan suara nyanyian latar. Dari filem pertama itu kejayaannya terus berkembang dan beliau telah diberi peluang untuk berlakon dan menyumbangkan suaranya sebagai penyanyi latar dalam filem-filem kemudian seperti **Nasib (1949)** dan **Nilam (1949)**. Bakat lakonan beliau yang menyerlah dalam tiga filem telah mendorong pengarah memberi peranan utama (hero) dalam filem **Bakti (1950)** dan **Takdir Ilahi (1950)**.

Pada tahun 1955 P. Ramlee diberi peluang oleh Shaw Brothers untuk mengarahkan filem pertamanya, **Penarek Becha (1955)**. Walaupun telah diangkat menjadi pengarah, beliau masih berlakon dan bekerja di bawah arahan pengarah filem India yang terkenal, Phani Majumdar. P. Ramlee berlakon di samping Saadiah dan Ahmad Mahmud dalam filem **Hang Tuah (1955)** yang berdasarkan dari sejarah legenda Hang Tuah pahlawan Melayu Empayar Melayu. Filem ini ditayangkan pada 28 Januari 1956, ia menjadi filem Melayu pertama yang difilemkan dalam format warna Eastman colour. Menerusi filem ini P. Ramlee berjaya menggondol anugerah antarabangsa sebagai **Pencipta Lagu Terbaik** dalam Festa Filem Asia ke-3 di Hong Kong.

Pada tahun 1956 beliau telah menulis skrip dan lagu, mengarah serta berlakon dalam filem **Semerah Padi (1956)** sebuah filem epic sejarah yang mengupas satu topik yang cukup berat dan serius iaitu pelaksanaan Undang-Undang Syariah dalam sebuah masyarakat atau negara pada satu ketika dahulu. Filem ini memaparkan hukum hudud dan qisas di mana mereka yang membunuh telah dihukum bunuh dan mereka yang berzina dihukum sebat 100 kali sebatan. Namun tidak berlaku polimik agama ketika filem ini ditayangkan di seluruh negara Tanah Melayu, juga di Indonesia dan Brunai.

P. Ramlee bekerja sekali lagi bersama pengarah P. Majumdar dengan membintangi filem **Anak-ku Sazali (1957)** yang mana beliau melakonkan dua watak sekali gus iaitu Hassan, seorang bapa ahli muzik yang penyayang orang susah dari kampung dan watak orang muda Sazalnya, seorang anak orang kaya kota yang membesar dengan kemewahan hingga menjadi penjenayah. Menerusi filem ini beliau



Anakku Sazali – P.Ramlee main Dua Watak Hassan (ayah) dan Sazali (anak)

telah berjaya memikat hati juri dengan merangkul anugerah **Pelakon Lelaki Terbaik** di Pesta Filem Asia ke-4 di Tokyo.

Seterusnya filem arahnya sendiri ***Sumpah Orang Minyak (1958)*** pula telah memenangi anugerah **Fotografi Hitam Putih Terbaik** di Pesta Filem Asia ke-5. Setahun kemudian filem arahnya, ***Pendekar Bujang Lapok (1959)*** telah berjaya menggondol anugerah **Filem Komedi Terbaik** ketika Pesta Filem Asia ke-6 di Kuala Lumpur.

Anugerah yang paling besar dan istimewa (prestigious) yang diterima P. Ramlee ialah anugerah khas Bakat Seni Yang Menyerlah (***The Most Versatile Talent***) yang dimenangi pada Pesta Filem Asia di Tokyo 1963 yang dimenangi menerusi filem ***Ibu Mertuaku (1963)***. Beliau baru berusia 34 tahun ketika ini yang merupakan klimax dalam kareer seni beliau.



Anugerah Bakat Pelbagai dalam Perfileman (Most Versatile Talent)

Pada tahun 1964 P. Ramlee telah berhijrah ke Malaysia sebelum Singapore berpisah dengan Malaysia pada 1965. Beliau berhijrah ke Kuala Lumpur untuk menyertai Studio Merdeka, Hulu Klang, Selangor, sebuah cawangan Shaw Brothers juga, di mana beliau dijanjikan pelbagai kemudahan yang moden untuk menerbit dan mengarah filem. Pada masa itu Shaw Brothers Singapore sedang menghadapi masalah dengan Kesatuan Pekerja Filem (Union) yang menuntut hak gaji dan kemudahan pekerja yang lebih baik dan mungkin akan berpiket jika tuntutan mereka tidak dilayan. Bagi mengatasi masalah ini P. Ramlee dihantar ke Studio Merdeka untuk memulakan operasi studio baru.

Namun apa yang dijanji oleh pemilik Shaw Brothers tidak menjadi kenyataan. Kekurangan perkakas dan pekerja mahir di Studio Merdeka yang baru telah memberi impak negatif dalam karier seninya. Sudah tentu dengan segala kekurangan ini P. Ramlee tidak dapat lagi mengekalkan prestasi rentak kegemilangannya dan kualiti seperti mana beliau berkarya di Jalan Ampas.

Apabila Lee Kuan Yew dilantik Perdana Menteri Singapura pada 1965, beliau telah mengambil langkah keras terhadap Kesatuan Pekerja (Labour Union) yang melancarkan mogok pekerja kerana mogok akan merosakkan ekonomi dan lazimnya kesatuan pekerja dipengaruhi komunis bawah tanah. Salah satu union yang menerima kesan ditekan Lee Kuan Yew ialah Persatuan Pekerja Filem yang telah menjalankan mogok setelah P. Ramlee pindah ke Kuala Lumpur. Akibatnya Studio Jalan Ampas telah ditutup dan Shaw Brothers telah memindahkan semua peralatan filem ke Hong Kong.

Meskipun beliau telah ditipu dengan janji-janji palsu oleh majikan Shaw Brothers, dan terpaksa menempuh pelbagai halangan teknikal (kekurangan peralatan filem) serta khidmat sokongan profesional dalam berkarya di Studio Merdeka di Kuala Lumpur, namun semangat P. Ramlee sebagai anak seni untuk menghasilkan filem yang bermutu tidak pernah pudar. Dalam keadaan yang serba kekurangan beliau berjaya juga menghasilkan sebanyak 18 buah filem sepanjang 9 tahun antara tempoh 1964 hingga

1972, atau purata 2 filem setahun, berbanding 3 filem setahun di Studio Jalan Ampas. Senarai filem yang diterbitkan oleh P.Ramlee di Studio Merdeka adalah seperti di Lampiran 2.

Mengapa filem-filem Melayu keluaran Studio Merdeka kurang mendapat sambutan peminat-peminat filem di Malaysia pada tahun 1960an hingga 1970an? Antara salah satu faktor ialah kemasukan atau lambakan filem-filem asing dari Hollywood Amerika, Bollywood India (filem Hindustan), filem Hong Kong dan Indonesia. Filem dari luar negara dibintangi oleh pelakon-pelakon hebat, diarah oleh pengarah professional dan berpengalaman, diterbitkan dalam bentuk warna dan cinemascope dengan lagu-lagu latar yang merdu yang dinyanyikan oleh penyanyi popular pastinya mendapat tempat di hati peminat-peminat filem tempatan.

P.Ramlee amat kecewa apabila filem-filem keluaran Studio Merdeka yang diarah dan dilakonan beliau kurang mendapat sambutan di pawagam-pawagam tempatan. Kata pepatah Melayu "sudah jatuh ditimpa tangga", kekecewaannya ini ditambah lagi apabila beliau terus menerima kritikan oleh peminat dan wartawan media yang rata-ratanya dilihat hanya mencari kelemahan beliau, kritik-kritik negatif yang menghalang penonton dan peminat beliau untuk pergi ke panggong melihat hasil karyanya sendiri.

Sebagai seorang insan yang berkelana di Kuala Lumpur yang penuh cabaran, dikhabarkan kerana sifat beliau yang pemurah, beliau sering ditipu oleh promoter hiburan yang menjanjikan bayaran apabila membuat persembahan pentas di majlis-majlis rasmi atau menyanyi di pertunjukan funfare di luar Kuala Lumpur. Ramai juga kawan-kawan dan kenalan yang meminjam duit beliau tetapi tidak mahu membayar apabila diminta P.Ramlee. Selain itu beliau juga dihipit dengan masalah peribadi yang turut menjejaskan emosi beliau hingga membantutkan pertumbuhan dan perkembangan hasil seninya sehingga ke akhir hayatnya.

Jika filem pertama beliau berlakon ialah ***Chinta (1948)***, filem terakhir lakonan beliau ialah ***Laksamana Do Re Mi (1972)***. Sepanjang 24 tahun hayatnya terlibat dalam bidang perfileman, beliau telah menghasilkan 66 buah filem.

Di penghujung kerjayanya, P. Ramlee telah berlakon dalam dua siri drama RTM iaitu ***Intan (1971)*** dan ***Rantau Selamat (1972)***, dua drama yang ditulis oleh sahabatnya SN Datuk Abdullah Hussain. Pihak RTM tidak langsung memberi peluang kepada P.Ramlee untuk menerbitkan program hiburan (Ahmad Daud diberi peluang menerbitkan Ahmad Daud Show) atau terbit dalam mana-mana rancangan TV seolah-olah RTM turut sama melupakan bakat besar beliau dalam perfileman dan hiburan. Dikabar beliau sering menghantar isterinya Saloma ke RTM dan menunggu Saloma habis menjalani sesi rakaman di kantin RTM.

Begitu malang nasib yang menimpa seorang insan Genius Melayu yang pada penghujung hayat beliau dipinggirkan oleh bangsanya sendiri yang lebih mengagumi budaya Barat

termasuk lagu-lagu dan filem-filem yang dikatakan moden. Pernah P.Ramlee disorak oleh penonton di satu pertunjukkan pentas di Dewan Bahasa kerana membawa lagu lama. Namun kini lagu-lagu P.Ramlee yg malar segar mendapat tempat di kalangan rakyat.

Genius Dalam Bidang Lagu dan Nyanyian

Selain berbakat dalam bidang lakonan dan pengarah, P. Ramlee juga merupakan penyanyi pujaan ramai kerana kelunakan suaranya. Menyentuh tentang bidang seni suara, P. Ramlee bukan sahaja dikurniakan suara yang merdu bahkan juga berkebolehan dan berbakat besar mencipta lagu dan mengarah persembahan muzik.

Beliau mula belajar muzik (piano, biola, gitar) daripada Cikgu Kamaruddin guru muzik dan brass band di Penang Free School dan kemudian belajar memainkan beberapa alat muzik seperti ukulele, seksafon, trumpet dan sebagainya. Selain itu, beliau juga belajar menyusun muzik daripada Osman Ahmad dan Yusof B.. Dicatatkan juga P. Ramlee telah mencipta dan menyanyikan sendiri lagu dalam filem arahnya sebanyak 60 buah lagu. P. Ramlee bukan sahaja cenderung menghasilkan lagu bercorak tempatan atau tradisional (joget, inang, dondang sayang) serta ghazal (timur tengah, Arab), tetapi beliau juga berbakat mencipta lagu pelbagai corak moden misalnya *cha-cha*, *twist*, *tempo*, *slow fox* dan *waltz*.

Seperti sudah mengetahui ajalnya di tanah air sendiri, beliau sempat menghasilkan lagu terakhirnya bertajuk ***Ayer Mata Di Kuala Lumpur*** yang telah dicipta pada tahun 1973, yang menggambarkan suasana kesusahan dan kedukaan (despair and frustration) yang beliau alami di saat-saat akhir hidupnya.

Pemikir dan budayawan Melayu

Dalam satu seminar budaya beliau pernah membangkitkan keperluan Budaya Melayu diterapkan kepada generasi muda supaya sudah tertanam cinta kepada budaya Melayu dalam dada, yang akan menjadi benteng daripada terpengaruh dengan budaya asing. Beliau mengambil contoh bagaimana orang Melayu diasuh dengan ajaran Islam sejak kecil dan tertanam cinta kepada agama Islam yang kukuh dalam dirinya, sehingga sukar agama lain untuk mempengaruhi mereka. Maka itu beliau menyarankan agar pihak Kerajaan mengajar budaya Melayu sebagai satu subjek di sekolah sebagaimana agama diajar oleh guru-guru agama.

Sebagai seorang insan seni yang amat memahami pandangan dunia dan cita rasa orang Melayu P.Ramlee telah menerbitkan filem-filem yang Berjaya memenuhi aspirasi seni budaya orang Melayu. Filem-filem P.Ramlee sarat dengan nilai-nilai budaya Melayu seperti pelaksanaan hukum syariah dan hidup beragama (Semerah Padi), kasih sayang suami isteri (Hassan dan Zaiton dalam Anakku Sazali), menghormati ibu bapa dan orang tua (Penarik Beca), semangat patriotik (Sarjan Hassan), Pendidikan (kelas dewasa dalam

Pendekar Bujang Lapok), keburukan sistem kasta (Antara Dua Darjat), ibu mertua yang zalim kepada menantu (Ibu Mertuaku), dilarang menghina artis dan memandang rendah apa jua kerja waima seorang penghibur kelab malam (Masam-masam Manis).

Karya-karya P.Ramlee memenuhi hampir setiap perayaan orang Melayu. Pada waktu Hari Raya akan berkumandang beberapa lagu raya nostalgia ciptaan dan nyanyian beliau, pada hari kemerdekaan terdapat lagu Joget Malaysia, lagu Joget Pahang, lagu Pengantin Baru, lagu tiupan seksafon Kassim Selamat, dan banyak lagi lagu malar segara (evergreen) yang menjadi lagu suka ramai orang Melayu dan bukan Melayu. Beliau juga mengambil idea daripada lagu-lagu nasyid Arab yang diubahsuai menjadi lagu Melayu. Malah mengikut pendapat seorang ustaz, lagu-lagu P.Ramlee sedap didengar kerana tajweednya betul, wallahualam.

Penutup

P. Ramlee telah kembali ke Rahmatullah pada pagi **Selasa 29 Mei 1973** ketika berusia 44 tahun. Jenazah bintang hiburan Melayu ini dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Jalan Ampang, Kuala Lumpur.



Ketika pembabitan rancaknya dalam dunia perfileman, beliau pernah berkata bahawa **"Walau aku sudah mati, aku akan hidup 1,000 tahun lagi"**. Di sebalik kata-kata ini pada hakikatnya beliau telah berusaha sedaya upaya untuk menghasilkan karya-karya bermutu yang bukan sahaja akan dikenang tetapi juga sarat dengan nilai murni untuk panduan masyarakat.

Bagi mengenang jasa dan sumbangannya yang cukup besar kepada negara khasnya dalam bidang seni, Allahyarham telah dianugerahkan Bintang Kebesaran Darjah Panglima Setia Mahkota oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1990 yang membawa gelaran Tan Sri.

Selain itu rumah terakhir beliau di Jalan Dedap, Setapak telah diubahsuai oleh Arkib Negara Malaysia dan dijadikan sebagai "Pustaka Peringatan P Ramlee" pada tahun 1986. Selain itu rumah kelahiran beliau di Jalan Counter Hall Pulau Pinang juga telah dibeli dan diubahsuai oleh Arkib Negara Malaysia untuk dijadikan Memorial Rumah Kelahiran P.Ramlee. Pada tahun 1982, di tengah pusat bandar raya Kuala Lumpur namanya turut diabadikan pada sebatang jalan iaitu Jalan P Ramlee (dahulunya Jalan Parry).

Pada tahun 2011 Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa di mana Allahyarham Tan Sri P.Ramlee memulakan alam persekolahannya telah di tukarkan atas cadangan Kelab Peminat P.Ramlee Pulau Pinang dengan nama Sekolah Kebangsaan Tan Sri P.Ramlee.

Usaha-usaha sedangan di lakukan bagi mengenang jasanya dalam dunia perfileman Melayu, Kelab Peminat P. Ramlee Pulau Pinang mengemukakan cadangan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi supaya Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) di namakan Universiti Tan Sri P. Ramlee.

Insan Genius Tan Sri P. Ramlee menerusi bakat seninya telah memberi sumbangan besar kepada bangsa Melayu bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia Melayu di Singapura, Brunai, Indonesia, Selatan Thai, Selatan Filipina dan di seluruh dunia di mana terdapat Orang Melayu dan mereka yang mengguna Bahasa Melayu.

Melalui hasil kesenian beliau (filem-filem dan lagu-lagu) P.Ramlee seorang Genius Melayu berjaya membawa kesatuan orang-orang Melayu dalam dunia Melayu di mana mereka dan juga peminat Bahasa Melayu di seluruh dunia dapat menikmati dan menghayati citra rasa kebudayaan Melayu yang tinggi adab dan adatnya.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah

wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Orang lazimnya belajar muzik, kemudian belajar cara nak cipta lagu (lirik dan melodi).

Arwah P. Ramlee ni Allah SWT beri dia kelebihan dari segi bakat semula jadi, menguasai main macam-macam alat muzik dan pandai pula mencipta lagu dan menyanyi lagu.

Orang yang Genius ada beza dengan orang lain. Dia mudah belajar daripada org lain dan diberi kelebihan dan potensi untuk menambah baik bakat yang sedia ada.

Orang yang Genius dan Gifted memang berbakat besar, dia buat apa-apa karya akan menjadi hebat, meletup dan popular, dapat bertahan lama (evergreen, popularity merentas generasi)